



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Selasa, 07 Mac 2023

DISEDIAKAN OLEH :
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Berita Harian	Nasional	17

Penternak rugi 69 lembu lemas akibat banjir

Pesara sedih hanya 14 haiwan ternakan terselamat

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Segamat: Seorang penternak lembu di Kampung Pogoh Tengah, di sini, kerugian besar selepas 69 haiwan ternakannya itu lemas akibat banjir yang melanda daerah berkenaan, tiga hari lalu.

Lebih memilukan, ia bukan kali pertama kerugian dialami Abdul Halim Yusof, 60, kerana sebelum ini 97 lembu miliknya turut lemas ketika banjir besar melanda pada 2011 lalu.

Abdul Halim ketika ditemui mengakui sebak memikirkan nasibnya itu, namun menganggap ia ujian dari Allah SWT yang perlu ditempuhinya.

"Memang nak menanggung dan hampir pengsan mengenangkan usaha keras selama ini musnah sekelip mata, namun saya bertahan dan reda. Ini ujian Allah SWT dan saya anggap tak ada rezeki.

"Kalau diikutkan, saya sudah putus asa pada 2011 namun isteri, Rubaiyyah Abdul Rahman, 53 dan anak memujuk serta memberikan perangsang apatah lagi saya masih ada tapak ternakan yang disewa daripada Jabatan Veterinar.

"Namun bencana kali ini saya sekali lagi diuji apabila 69 lembu ternakan lemas dan tidak dapat diselamatkan," katanya.

Paras air makin tinggi

Menceritakan detik ketika bah melanda, pesara kerajaan itu berkata, pada mulanya kawasan ternakannya tidak dilanda bah, namun beberapa kampung berhampiran sudah mula dinaiki banjir.

"Apabila saya dimaklumkan paras air semakin tinggi di Kampung Jawa yang terletak berhampiran, saya mula membawa ternakan naik ke bukit berhampiran.

"Belum sempat semua lembu naik ke bukit, air bah meningkat dengan laju dalam hanya beberapa minit menyebabkan kebanyakan lembu muda ditenggelami banjir.

"Ketika itu arus laju, saya bantu tolak beberapa lembu, tetapi tak berdaya sehingga banyak tersangkut di belukar dan pokok.

"Saya terpaksa menyelamatkan diri berikutan air bah

semakin tinggi. Keesokannya apabila datang semula, saya hanya jumpa 14 ekor lembu yang masih terselamat daripada keseluruhan 83 ekor," katanya.

Abdul Halim turut mengakui sedih mengenangkan tidak dapat memenuhi permintaan pelanggan yang sudah menempah 15 lembu ternakannya untuk dikorbankan pada Aidiladha nanti.

Dalam pada itu, isterinya, Rubaiyyah turut berkongsi insiden yang menyebabkan mereka hampir kehilangan anak yang dihayutkan bah, kelmarin.

"Banjir kali ini betul-betul mencabar kerana anak berusia 26 tahun pun tersangkut pada pokok selama enam jam dibawa arus air bah.

"Anak risau berikutan saya dan ayahnya tidak pulang selepas mencari lembu terselamat sehingga malam, sebelum dia keluar mencari kami dengan menaiki motosikal.

"Namun, ketika melintas selekoh di laluan kampung sambil mengharung banjir, dia dibawa arus bah sebelum tersangkut di pokok. Alhamdulillah, selepas enam jam bertahan, penduduk kampung yang menaiki bot ternampak dan menyelamatkan-nya," katanya.

70 ekor lembu dihanyutkan banjir

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Sinar Harian	Nasional	11

70 ekor lembu dihanyutkan banjir

Pasangan warga emas rugi lebih RM300,000 selepas haiwan ternakannya gagal diselamatkan

SEGAMAT

Tiada apa yang dapat menggambarkan kekecewaan pasangan suami isteri warga emas apabila 70 ekor lembu ternakan mereka hanyut dalam kejadian banjir di Kampung Pogoh Tengah, di sini.

Abdul Halim Yusof, 60, berkata, bukan hanya terpaksa menanggung kerugian lebih RM300,000, bahkan apa yang membuatkan hatinya pilu ialah mengenangkan haiwan-haiwan ternakan itu gagal diselamatkan.

Ini bukan pengalaman menyedihkan yang pertama buat Abdul Halim yang baru saja bersara sekitar sebulan lalu.

Sebaliknya pada 2011, dia pernah berdepan situasi yang sama dan hampir berputus asa apabila lebih 90 ekor ternakannya turut hanyut.

Bagaimanapun, kata Abdul Halim, kali ini pengalaman dilalui berbeza apabila air naik terlalu pantas sehingga tidak sempat membuat sebarang persiapan dan hanya berjaya menarik keluar 14 ekor lembu ternakannya.

"Memang rasa kalau nak menangis tu bukan sekadar menangis tetapi sampai nak peng-



Antara lembu ternakan Abdul Halim di Kampung Pogoh Tengah, Segamat yang gagal diselamatkan akibat banjir.

san, namun saya terpaksa sabar dengan ujian kali ini.

"Dulu tahun 2011 pun ada banjir besar juga, tetapi sekurang-kurangnya waktu itu kami sempat buat persiapan sikit, tetapi kali ini air naik dengan sangat laju dan bukan sahaja ternakan saya hanyut, ternakan jiran-jiran lain turut berdepan situasi sama," katanya kepada *Awani* di sini.

Ujarnya, lima daripada 14 ekor lembu yang sempat diselamatkan berada dalam keadaan kritikal berikutan terendam dalam banjir lebih 24 jam.

Katanya, dia kemudian bertindak menyembelih dua ekor daripada jumlah berkenaan dan diagihkan kepada orang kampung, sementara tiga ekor lagi

gagal diselamatkan.

"Saya baru pencen bulan lepas dan keluarkan RM55,000 untuk membuat pagar baharu di kandang di kandang ini menggunakan duit persaraan. Apa yang jadi ini saya terpaksa reda lah.

"Pada awal banjir itu saya tekad cuba tarik lembu-lembu yang terendam dan yang mana nyawa-nyawa ikan saya terus sembelih dan agihkan pada orang kampung supaya mereka tidak terputus bekalan makanan," kata Abdul Halim lagi.

Berhubung bencana yang melanda itu, dia berharap nasib petani dan penternak yang terjejas dengan banjir dapat diberi perhatian khusus oleh agensi terlibat.

Four rabies deaths recorded in S'wak this year

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
The Sun	News	4

Four rabies deaths recorded in S'wak this year

KUCHING: Sarawak recorded six rabies cases, four of which resulted in fatalities between Jan 1 and March 5 this year, said Sarawak Deputy Premier Datuk Seri Dr Sim Kui Hian.

Sim, who is also state Public Health, Housing and Local Government minister, said the deaths were reported in the Siburan, Kanowit, Sibul and Bintulu districts.

"Last year, a total of 12 rabies cases and 10 deaths were recorded in Sarawak."

He said since the start of the rabies outbreak in Sarawak in 2017, a total of 48 deaths due to the infection have been reported. He urged the public to treat the matter seriously.

"Early vaccination against rabies can save lives."

Sim also advised the public to get their pet dog or cat vaccinated, adding that the service is provided free by the Sarawak Veterinary Services Department.

He said the state also recorded a total of 2,210 animal bite cases from January to March 5 this year, of which 1,205 were dog bites, 985 were cat bites and 20 were other bite cases.

Meanwhile, Perak recorded an increase in the cumulative number of dengue cases, which stood at 457 as of March 4 compared with only 96 for the same period last year, an increase of 376.04%.

State Human Resources, Health and Indian Community Affairs Committee chairman A. Sivanesan said apart from the unpredictable rainy weather, the school holiday season was one of the contributors to the increase in cases.

Sivanesan said the number of dengue cases in the ninth epidemiological week from Feb 26 to March 4 recorded a decrease in the number of cases to 63, compared with 87 in the eighth epidemiological week. - Bernama

Operasi tangkap lembu

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Harian Metro	Lokal	11

Oleh Mohammad
Khairil Ashraf Mohd
Khalid
khairil.ashraf@hmetro.com.my

Dengkil

Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) akan bekerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Selangor bagi menjalankan operasi menangkap lembu yang berkeliaran di sekitar Jalan Dengkil-Kajang, dekat sini.

Yang Dipertuanya Datuk Abd Hamid Hussain berkata, pihaknya hanya boleh mengambil tindakan jika haiwan itu berada di kawasan awam dan merosakkan harta.

"Tetapi jika di luar kawasan seliaan majlis, agak sukar (ambil tindakan). JPV yang mempunyai hak kuasa penuh untuk mengambil tindakan."

"Untuk operasi tangkapan pun kita akan lakukan bersama JPV, majlis tidak boleh pergi membuat tangkapan sendiri. Kalau lembu itu mati dan sebagainya, kita pula nanti akan dipersalahkan," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Semalam Harian Metro melaporkan kawasan sekitar Jalan Dengkil-Kajang berhampiran Kampung Jenderam Hilir di sini, umpama 'safari terbuka' apabila banyak lembu berkeliaran sehingga mengundang bahaya.

KERJASAMA MPSEPANG DAN JPV 'BERSIH' JALAN DENGKIL-KAJANG

Operasi tangkap lembu



LAPORAN Harian Metro, semalam.

Untuk operasi tangkapan pun kita akan lakukan bersama JPV, majlis tidak boleh pergi membuat tangkapan sendiri. Kalau lembu itu mati dan sebagainya, kita pula nanti akan dipersalahkan"

Abd Hamid Hussain



MPSepang hanya boleh mengambil tindakan jika haiwan berada di kawasan awam dan merosakkan harta.

Haiwan itu dilepaskan bebas berkeliaran tanpa mengira waktu, dan lebih teruk pada waktu malam, sekali gus menggugat keselamatan pengguna jalan raya dan penduduk sekitar. Difahamkan haiwan ber-

kenaan mempunyai pemilik tetapi dibiarkan berkeliaran.

Mengulas mengenai cadangan pemasangan lampu jalan, Abd Hamid berkata, laluan Jalan Dengkil-Kajang adalah di bawah selengga-

raan Jabatan Kerja Raya (JKR).

"Jadi, penduduk perlu kemukakan permohonan (pemasangan lampu-lampu jalan) kepada pihak JKR sebab ia bukan seliaan majlis," katanya.